

# 200 pelajar UMT derma darah

SH 23/09/08 Pg. 76

■ NURUL HUDA HUSAIN

**TOK JEMBAL** - Pusat Kesihatan Pelajar Universiti Malaysia Terengganu (UMT) komited menjalankan tanggungjawab sosialnya iaitu menderma darah bagi membantu menampung keperluan bekalan darah di Hospital Sultanah Nur Zahirah (HSNZ) sempena hari raya Aidilfitri nanti.

Pegawai Perubatan Unit Kesihatan UMT, Dr Sidek Harun berkata, tahap kesedaran yang tinggi dalam kalangan pelajar untuk menjadi penderma adalah faktor terpenting program dianjurkan mendapat sambutan menggalakkan walaupun diadakan pada bulan puasa.


“Selain mendapat permintaan daripada tabung darah HSNZ, pihak kami sememangnya sentiasa mengambil inisiatif sendiri untuk memastikan pelajar sentiasa mempunyai minat untuk menjadi penderma melalui pelbagai kempen yang diadakan sebelum ini.

“Perkembangan dan maklum balas kami terima dari semasa ke semasa juga turut menunjukkan petanda positif bahawa kebanyakan penderma ialah orang baru, selain penderma sama yang pernah berbuat demikian sebelum ini,” katanya kepada **Sinar Harian** pada Kempen Derma Darah Perdana Institut Pengajian Tinggi (IPT) sempena Ramadan 2008 yang berlangsung di Kafeteria Kompleks Penginapan Pelajar Tok Jembal, di sini, semalam.

Menurut Sidek lagi, program yang telah memasuki edisi ketiga tahun ini anjuran bersama pihak UMT dan HSNZ.

“Seramai 200 pelajar tampil menderma darah selepas mendapat pendedahan dan maklumat mengenai kepentingan serta kebaikan menjadi penderma, antaranya membantu mendapatkan kesihatan yang baik.

“Sebenarnya, menderma darah yang dilakukan pada bulan puasa tidak akan sesekali



Pelajar UMT tidak melepaskan peluang mendaftar sebagai penderma bagi menjayakan Kempen Derma Darah Perdana IPT sempena Ramadan 2008 di Kafeteria Kompleks Penginapan Pelajar Tok Jembal, semalam.

menjejaskan kesihatan.

“Saya harap, pelajar memanfaatkan peluang diberi-

kan sempena Ramadan yang penuh dengan keberkatan, sekali gus memastikan semangat

mahu membantu golongan memerlukan akan berterusan pada masa akan datang,” katanya.